

02 AUG 2002

Syed Hamid-Pembangkang/I

SYED HAMID BERITAHU PEMBANGKANG UTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA

PUTRAJAYA, 2 Ogos (Bernama) -- Parti pembangkang perlu mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan politik mereka apabila bercakap dengan media asing, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata kadang-kadang usaha kerajaan untuk memancarkan imej sebenar Malaysia dicemar oleh anggota pembangkang yang memperkecilkan negara semasa temu bual demikian.

"Saya berharap wujud kerjasama apabila menyentuh tentang kepentingan negara. Kita tidak patut meletakkan kepentingan politik di hadapan kepentingan negara," katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman antara Malaysia dan Australia dalam memerangi keganasan antarabangsa, di Wisma Putra, di sini.

Syed Hamid menandatangani bagi pihak kerajaan Malaysia sementara Australia diwakili rakan sejawatannya Alexander Downer.

Syed Hamid menjawab satu soalan mengenai mengapa media asing sering mencari kesalahan terhadap setiap tindakan Malaysia, termasuk langkah memerangi keganasan di sempadannya.

"Saya fikir apabila mereka sudah menetapkan fikiran, agenda, maka tidak kira apa yang kita kata, ia tidak akan mengubah mereka. Apa yang penting ialah ia tidak sepatutnya menggugat keyakinan kita," kata beliau.

Syed Hamid berkata rakyat Malaysia mesti terus memastikan negara stabil dan rakyat bersatu padu bagi membolehkan negara mempertahankan diri sendiri.

Beliau berkata negara mesti terus menerima polisi-polisi yang betul, seperti selama ini, bagi menarik lebih banyak pelabur dan pengunjung.

Mereka yang mengenali negara ini, kata beliau sangat berminat untuk datang disebabkan kestabilan politik, keramahan rakyat dan bagi pelabur, mengetahui bahawa pelaburan mereka selamat.

"Tetapi kadang-kadang usaha kita menjadi sukar disebabkan sesetengah anggota pembangkang yang akan bercakap kepada media asing dan berkata ini tidak berlaku di negara ini," tambahnya.

Beliau juga mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi semalam bahawa sebuah negara kaya berhasil menyekat sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan US\$200 juta dan lain-lain insentif.

Syed Hamid berkata tindakan demikian perlu dimasukkan dalam peraturan perdagangan antarabangsa sebagai melanggari kebebasan melabur di sesebuah negara.

Beliau berkata persaingan tidak adil akan menjejaskan sesebuah negara dari membangun.

-- BERNAMA

MAM ZS HM